



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

KENYATAAN MEDIA

JEMAAH MENTERI BERSETUJU SECARA DASAR DENGAN CADANGAN PAMPASAN MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA DAN PENGUKUHAN SISTEM KEJARA

PUTRAJAYA, 17 Julai 2026 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memaklumkan bahawa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 15 Julai 2026 telah bersetuju secara dasar dengan cadangan untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] bagi mewujudkan mekanisme pampasan kepada mangsa kemalangan jalan raya serta memperkuat Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA).

Cadangan ini bertujuan memastikan pesalah bukan sahaja dikenakan hukuman seperti penjara, denda dan hilang kelayakan memandu, malah turut dipertanggungjawabkan terhadap kesan perbuatannya kepada mangsa serta keluarga mangsa.

MOT berhasrat supaya jumlah pampasan tidak ditetapkan secara automatik atau secara pentadbiran oleh Kerajaan. Sebaliknya, jumlah tersebut ditentukan oleh mahkamah berdasarkan fakta dan merit setiap kes, termasuk tahap keseriusan kesalahan, kecederaan atau kehilangan nyawa, kerugian yang ditanggung mangsa atau waris serta kemampuan pesalah untuk membayar. Mekanisme pampasan yang dicadangkan ini juga tidak akan menjejaskan hak mangsa atau waris untuk membuat tuntutan insurans atau mengambil tindakan sivil melalui saluran perundangan sedia ada.

Pada masa yang sama, Sistem KEJARA akan diperkukuh sebagai mekanisme pencegahan bagi mengenal pasti dan mengawal pemandu berisiko tinggi serta pesalah berulang. Penambahbaikan yang dicadangkan merangkumi tatacara pemakluman mata demerit yang lebih jelas, mekanisme representasi dan





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

semakan pentadbiran, serta pelarasan atau penghapusan mata demerit sekiranya sesuatu kesalahan tidak dibuktikan atau tiada sabitan dikenakan.

Cadangan pampasan mangsa kemalangan jalan raya dan pengukuhan sistem KEJARA merupakan langkah penting dalam memperkukuh keadilan, akauntabiliti dan keselamatan di jalan raya. MOT komited untuk memastikan kerangka perundangan yang dibangunkan kelak bukan sahaja memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada mangsa dan waris, tetapi juga memastikan pesalah bertanggungjawab atas perbuatan mereka serta mencegah kesalahan jalan raya daripada berulang.

Susulan persetujuan dasar Jemaah Menteri tersebut, MOT akan memulakan proses penggubalan pindaan kepada Akta 333. Perincian mekanisme yang dicadangkan akan diteliti secara menyeluruh bagi memastikan pindaan yang digubal jelas, adil dan berkesan sebelum dikemukakan semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

17 JULAI 2026

-TAMAT-

MENGENAI MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan

Tel +603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mel unitkomunikasikorporat@mof.gov.my

